

TARIKH	ISNIN, 1 APRIL 2024
AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK ARTIKEL	NRES TELITI DRAF E-SISA
M/S	3
BIDANG	WASTE
KATA KUNCI	WASTE MANAGEMENT

BH Isnin, 1 April 2024

Nasional

3

# NRES teliti draf akhir e-sisa



Mekanisme tangani sisa peralatan elektrik, elektronik akan dikuat kuasa tahun depan

Putrajaya: Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) sedang meneliti draf akhir peraturan buangan peralatan elektrik dan elektronik bagi membolehkan Mekanisme Pengurusan Buangan Peralatan Elektrik dan Elektronik (e-sisa) yang dijana isi rumah di negara ini, dapat dikuatkuasakan tahun depan.

Menteri, Nik Nazmi Nik Ahmad, berkata mekanisme itu bertujuan menangani e-sisa yang di-

hasilkan isi rumah dan sektor bukan industri seperti komersial dan institusi.

Beliau berkata, mekanisme itu akan membabitkan pihak pengumpul berdaftar dan pemerolehan kembali (premis kitar semula) yang dilesenkan di bawah Jabatan Alam Sekitar (JAS).

"Kerangka itu kita sudah ada, tetapi perlu disesuaikan dengan realiti sektor bukan industri, kemudian bila dah melalui proses libat urus dengan pihak berkepentingan kita akan ke peringkat seterusnya," katanya kepada BERNAMA.

Katanya, seperti negara lain, Malaysia tidak terkecuali untuk memastikan e-sisa yang dihasilkan dalam negara mesra alam

melalui penambahan perundangan dan pembangunan mekanisme pengurusan e-sisa.

## Enam item kawalan

Mengulas lanjut Nik Nazmi berkata, peraturan yang dirangka menekankan konsep 'Tanggungjawab Pengeluar yang Diperluas dan Tanggungjawab Bersama' kepada semua pihak berkepentingan yang terbabit dalam menghasilkan enam item kawalan e-sisa iaitu peti ais, mesin basuh, telefon bimbit, komputer, penyaman udara dan televisyen.



Nik Nazmi

"Menyedari peningkatan kuantiti e-sisa yang menjadi ancaman global ketika ini dan kepentingan serta keperluan sistem pengurusan khusus untuk menangani e-sisa, semakin banyak negara di

dunia menggubal peraturan berkenaan perkara ini.

"Statistik menunjukkan e-sisa dilindungi oleh perundangan, polisi dan peraturan di 78 negara pada 2019 berbanding 61 negara pada 2014. Statistik ini menunjukkan kesedaran mengenai e-sisa mula meningkat," katanya.

Beliau berkata, Taiwan, Jepun dan Kesatuan Eropah menggubal peraturan e-sisa sejak lebih 20 tahun lalu, manakala sejak beberapa tahun kebelakangan ini, beberapa negara jiran di Asia Tenggara juga menggubal peraturan e-sisa mereka sendiri.

Katanya, Malaysia perlu mempunyai satu garis panduan jelas berhubung pengurusan e-sisa terutama bagi menghindari pencemaran bahan berbahaya yang terkandung dalam sisa buangan berkenaan sekiranya tidak dilupuskan dengan cara betul.

"Selain itu perlombongan urban, iaitu usaha untuk mendapatkan semula logam mahupun

bahan nadir bumi yang ada dalam e-sisa dan boleh dikitar semula menjadikan garis panduan itu amat penting," katanya.

Pada masa ini, sistem pelupusan e-sisa dilaksanakan pada peringkat industri manakala pelupusan pada peringkat isi rumah atau masyarakat awam tidak dilakukan secara sistematik dan hanya dibuang di tong sampah atau dibuang secara haram.

E-sisa yang dijana daripada proses perindustrian dikawal oleh JAS melalui Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 dan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dari mula ia dihasilkan sehingga dilupuskan.

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) menganggarkan secara purata 7.6 kilogram e-sisa dijana oleh setiap individu pada 2021 yang secara keseluruhannya mencatatkan penjana e-sisa sebanyak 57.4 juta tan seluruh dunia.

BERNAMA

DISEDIAKAN  
OLEH

PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM